



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	10/5/2021	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Seramai 10,409 warga kerja TNB bertugas Aidilfitri

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) meletakkan seramai 10,409 warga kerjanya bertugas atau dalam keadaan tunggu sedia di sektor kritikal sepanjang Aidilfitri bagi menjamin bekalan kekal stabil semasa musim perayaan itu.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, waktu perayaan yang besar seperti Aidilfitri, anggota kerja TNB sekali lagi menuruskannya tugas memastikan bekalan elektrik yang berterusan demi kebaikan masyarakat secara menyeluruh.

“Warga kerja TNB bertugas tatkala orang lain menyambut perayaan di rumah bersama keluarga.”

“Ini sebahagian pengorbanan amat hebat yang saya amati sepanjang setahun berkhidmat sebagai Pengerusi TNB,” katanya. Beliau berkata demikian pada majlis pengagihan bingkisan kuli raya yang disediakan Persatuan Wanita TNB (Pelita-



PENANG Peltawanis TNB, Datin Seri Noraini Abdulllah (Kanan) dan Yang Dipertuanya, Datin Noor Azizah Abd. Karim menyampaikan bingkisan kuli raya kepada kakitangan TNB. Turut hadir, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Baharin Din (kiri).

wanis) kepada warga kerja TNB di Ibu pejabat TNB, Bangsa baru-baru ini.

Peltawanis TNB telah menyiapkan sebanyak 10,409 pek bingkisan kuli raya untuk di-

hkan kepada warga kerja TNB yang bakal bertugas dan tunggu sedia di Semenanjung dan Sa-

bah pada 1 Syawal ini.

Tradisi penyediaan dan pembungkusan bingkisan raya itu telah dilakukan TNB melalui Peltawanis sejak 2005, sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja yang bertungkus-lumus memastikan bekalan elektrik kekal selamat dan stabil sepanjang Aidilfitri, khususnya ketika negara masih berdepan pandemik Covid-19.

Sementara itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, tradisi selama 17 tahun itu diharapkan dapat memberi keceriaan kepada anggota kerja yang bertugas.

“Kelangsungan pembekalan elektrik di negara ini didukung oleh khidmat bakti anggota kerja, baik di barisan hadapan mahupun mereka yang menyokong di belakang,” katanya.

Beliau turut memisahkan pengguna untuk terus memastikan amalan keselamatan elektrik dipatuhi sepanjang persipan Syawal.